

# **GARIS PANDUAN LATIHAN SANGKUTAN JANGKA PENDEK PEGAWAI FARMASI, LANTIKAN PRESEPTOR DAN PUSAT LATIHAN DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN FARMASI KLINIKAL DAN TEKNIKAL**

**Disediakan oleh:**

**CAWANGAN PENJAGAAN FARMASEUTIKAL  
BAHAGIAN AMALAN & PERKEMBANGAN FARMASI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

(Dikemaskini pada 16 Mac 2018)

# ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKASURAT
<b>PENGENALAN</b>		
Tujuan	4	
Latarbelakang	4	
Definisi	5	
<b>LATIHAN SANGKUTAN JANGKA PENDEK PEGAWAI FARMASI DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN FARMASI KLINIKAL DAN TEKNIKAL</b>		
Latihan Sangkutan Jangka Pendek Pegawai Farmasi Dalam Bidang Pengkhususan Farmasi Klinikal dan Teknikal	8	
Caj Bayaran	10	
Kriteria/ Syarat-Syarat Untuk Menjalani Latihan Sangkutan	11	
Latihan <i>Echo</i>	13	
Registri Latihan Sangkutan	15	
<b>LANTIKAN PRESEPTOR</b>		
Terma Rujukan Preseptor	18	
Kriteria Pegawai Farmasi Untuk Dilantik Sebagai Preseptor	20	
Pemantauan Oleh Bahagian Amalan & Perkhidmatan Farmasi Negeri (Bhgn. A&P Farmasi Negeri)	22	

**LANTIKAN PUSAT LATIHAN**

Lantikan Fasiliti Sebagai Pusat Latihan	24
Kriteria Fasiliti Untuk Dilantik Sebagai Pusat Latihan	26

**LAMPIRAN**

<b>Lampiran 1:</b> Senarai Bidang Pengkhususan Farmasi Klinikal Dan Teknikal	28
<b>Lampiran 2:</b> Proses Kerja Menjalani Latihan Sangkutan Jangka Pendek Pegawai Farmasi Dalam Bidang Pengkhususan Farmasi Klinikal Dan Teknikal Bagi Pegawai Farmasi KKM	30
<b>Lampiran 3:</b> Proses Kerja Menjalani Latihan Sangkutan Jangka Pendek Pegawai Farmasi Dalam Bidang Pengkhususan Farmasi Klinikal Dan Teknikal Bagi Pegawai Farmasi Bukan KKM/ Ahli Farmasi Swasta	31
<b>Lampiran 4:</b> Proses Kerja Lantikan Preseptor	32
<b>Lampiran 5:</b> Proses Kerja Lantikan Pusat Latihan	33

# PENGENALAN

## **TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan am mengenai prosedur-prosedur berkaitan dengan latihan sangkutan jangka pendek pegawai farmasi dalam bidang pengkhususan farmasi klinikal dan teknikal seperti berikut:

- a) permohonan menjalani latihan sangkutan
- b) pelaksanaan latihan echo
- c) permohonan pelantikan preseptor
- d) permohonan pelantikan pusat latihan

## **LATARBELAKANG**

Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (Bhgn. A&P Farmasi KKM) sentiasa mengambil berat akan keperluan latihan sangkutan jangka pendek pegawai farmasi dalam bidang pengkhususan berkaitan farmasi klinikal dan teknikal. Di antara usaha awal yang telah dilakukan oleh Bhgn. A&P Farmasi KKM adalah dengan menubuhkan pusat latihan sangkutan dalam bidang farmasi klinikal bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan di seluruh negara. Satu surat edaran bertarikh 5 Februari 2013 telah dikeluarkan oleh Bhgn. A&P Farmasi KKM berhubung dengan pengiktirafan pusat latihan dan kriteria preseptor bagi memastikan latihan yang dijalankan dapat memenuhi keperluan modul latihan dalam bidang pengkhususan farmasi klinikal dan teknikal.

## **DEFINISI**

1. “Latihan” merupakan satu proses pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin, bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ini boleh dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja dan program *mentoring/coaching* atau yang seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.
2. “Latihan Jangka Pendek” ialah latihan sepenuh masa mengikut modul latihan dan tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Bhgn. A&P Farmasi KKM.
3. “Latihan *Echo*” merujuk kepada latihan yang diberikan oleh individu yang telah menjalani latihan kepada individu lain yang tidak berpeluang menghadiri latihan sebagai salah satu daripada pembelajaran berterusan untuk pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi. Ia merupakan salah satu daripada latihan dalaman (*in-house training*) yang diperlukan sebagai sokongan (*back-up*) bagi sesuatu perkhidmatan yang telah ditawarkan.
4. “Bidang Pengkhususan” merujuk kepada lapangan kepakaran sesuatu perkhidmatan.
5. “Pegawai Farmasi KKM” ialah pegawai farmasi yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

6. "Pegawai Farmasi Bukan KKM" merujuk kepada pegawai farmasi yang berkhidmat dengan perkhidmatan kerajaan Malaysia selain daripada KKM seperti:
- a) hospital/ fasiliti di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia
  - b) hospital universiti di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
  - c) universiti awam
7. "Ahli Farmasi Swasta" merujuk kepada ahli farmasi yang berkhidmat di sektor swasta dalam dan luar negara seperti:
- a) hospital swasta
  - b) universiti swasta
  - c) farmasi komuniti
8. "Preseptor" merujuk kepada pegawai farmasi yang telah dilantik oleh Bhgn. A&P Farmasi KKM untuk mengajar, memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta membantu perkembangan pelatih mengikut modul-modul tertentu seperti yang ditetapkan.
9. "Pusat Latihan" adalah tempat untuk menjalankan latihan sangkutan jangka pendek bagi aktiviti farmasi klinikal dan teknikal.

# **LATIHAN SANGKUTAN JANGKA PENDEK PEGAWAI FARMASI DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN FARMASI KLINIKAL DAN TEKNIKAL**

## **LATIHAN SANGKUTAN JANGKA PENDEK PEGAWAI FARMASI DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN FARMASI KLINIKAL DAN TEKNIKAL**

1. Secara umumnya, terdapat tiga jenis komponen utama bagi latihan sangkutan jangka pendek pegawai farmasi iaitu:
  - a) komponen farmasi klinikal
  - b) komponen farmasi klinikal dan teknikal
2. Bagi setiap komponen, iaanya menyenaraikan bidang pengkhususan yang ditawarkan seperti dalam **Lampiran 1** (Senarai Bidang Pengkhususan Farmasi Klinikal dan Teknikal).
3. Senarai bidang pengkhususan ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut kepada keperluan dan kepentingan perkhidmatan.
4. Bagi Pegawai Farmasi KKM, semua permohonan untuk menjalani latihan sangkutan adalah melalui surat rasmi. Sila rujuk kepada **Lampiran 2** (Proses Kerja Menjalani Latihan Sangkutan Jangka Pendek Pegawai Farmasi Dalam Bidang Pengkhususan Bagi Pegawai Farmasi KKM).
5. Bagi Pegawai Farmasi Bukan KKM/ Ahli Farmasi Swasta, permohonan juga adalah melalui surat rasmi kecuali bagi latihan sangkutan farmasi nuklear yang menggunakan borang permohonan khas yang boleh didapati di laman sesawang

[www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my). Sila rujuk kepada **Lampiran 3** (Proses Kerja Menjalani Latihan Sangkutan Jangka Pendek Pegawai Farmasi Dalam Bidang Pengkhususan Bagi Pegawai Farmasi Bukan KKM/ Ahli Farmasi Swasta).

6. Pemohon wajib menerima surat kebenaran untuk menjalani latihan sebelum memulakan latihan di pusat latihan.
7. Latihan sangkutan akan dijalankan mengikut modul latihan yang telah ditetapkan oleh Bhgn. A&P Farmasi KKM).
8. Tempoh latihan sangkutan adalah berdasarkan kepada modul latihan bidang pengkhususan masing-masing.
9. Buku log yang telah lengkap hendaklah dihantar oleh preseptor kepada pihak berkaitan selewat-lewatnya dalam tempoh satu bulan selepas tamat latihan sangkutan untuk pengeluaran sijil tamat latihan **kecuali** bagi latihan sangkutan farmasi nuklear, buku log hendaklah dihantar dihantar selewat-lewatnya dalam tempoh satu minggu selepas tamat latihan sangkutan.

## **CAJ BAYARAN**

1. Caj bayaran latihan akan dikenakan untuk latihan sangkutan di hospital-hospital KKM oleh ahli farmasi daripada sektor swasta dalam dan luar negara selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10/2013 – Penetapan Kadar Bayaran Perkhidmatan dan Borang Kerajaan.
2. Caj bayaran yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:
  - a) RM 1,000 bagi ahli farmasi bidang **farmasi klinikal** (warganegara) dan RM 2,000 bagi ahli farmasi bidang farmasi klinikal (bukan warganegara);
  - b) RM 2,000 bagi ahli farmasi bidang **farmasi aseptik** (warganegara) dan RM 4,000 bagi ahli farmasi bidang farmasi aseptik (bukan warganegara); dan
  - c) RM 5,000 bagi setiap orang ahli farmasi bidang **perubatan nuklear**
3. Semua caj bayaran latihan hendaklah dijelaskan oleh pelatih melalui Unit Hasil pusat latihan sebelum latihan dimulakan.

## **KRITERIA/ SYARAT-SYARAT UNTUK MENJALANI LATIHAN SANGKUTAN**

### **1. Pegawai Farmasi KKM**

- a) Dibuka kepada semua pegawai farmasi berdaftar penuh (FRP).
- b) Mempunyai minat dalam bidang pengkhususan yang berkaitan.
- c) Telah bertugas dalam bidang pengkhususan tersebut sekurang-kurangnya satu (1) tahun.
- d) Disokong oleh Ketua Pegawai Farmasi dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) untuk menjalani latihan sangkutan.
- e) Perlu membuat *echo-training* sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas tamat latihan sangkutan.
- f) Bersedia untuk berkhidmat dalam bidang pengkhususan berkaitan sekurang-kurangnya bagi tempoh dua (2) tahun di fasiliti yang sama.

### **2. Pegawai Farmasi Bukan KKM/ Ahli Farmasi Swasta**

- a) Kriteria/ syarat-syarat pegawai farmasi adalah tertakluk kepada perkara-perkara yang dinyatakan di dalam rujukan seperti di bawah:
  - i) Garis panduan Am Pelaksanaan Termasuk Kutipan Caj Bayaran Untuk Sangkutan Klinikal (*Clinical Attachment*) Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Oleh Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan, Jururawat Dan Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) Seperti Pegawai Sains, Pegawai Dietetik, Juru X-Ray, Juruteknologi Makmal

Perubatan Dan Pegawai Pemulihan Perubatan Dari Sektor Awam Dan  
Swasta Dalam Dan Luar Negara

- ii) Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 14/2014 –  
Garis panduan Menyeragamkan Caj Dan Pelaksanaan Latihan Praktikal Di  
Jabatan Perubatan Nuklear, Hospital-hospital Kementerian Kesihatan  
Malaysia (KKM) Bagi Pelatih Dari Sektor Swasta

## **LATIHAN ECHO**

1. Tujuan latihan *echo* adalah untuk memastikan bahawa pegawai farmasi:
  - i) mendapat pendedahan serta mengetahui semua proses kerja yang terlibat dalam sesuatu jenis perkhidmatan di fasiliti terlibat
  - ii) memastikan perkhidmatan yang ditawarkan adalah berkualiti
2. Latihan *echo* akan memberi fokus kepada aspek *hands-on* bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berterusan dan seragam.
3. Kriteria pegawai farmasi yang layak memberi latihan *echo* adalah seperti berikut:
  - a) telah berjaya menghadiri dan lulus latihan sangkutan di pusat latihan yang telah diiktiraf, **dan**
  - b) telah memulakan/ menjalankan perkhidmatan mengikut bidang pengkhususan yang dilatih sekurang-kurangnya 6 bulan selepas tamat latihan sangkutan.
4. Latihan *echo* adalah latihan dalaman yang diberikan kepada pegawai farmasi sebagai sokongan (*back-up*) bagi meneruskan sesuatu perkhidmatan yang telah ditawarkan di fasiliti tersebut sementara menunggu peluang untuk menjalani latihan sangkutan secara formal. Pegawai farmasi yang boleh menerima latihan *echo* adalah seperti berikut:

- a) merancang untuk memulakan perkhidmatan dan bidang pengkhususan yang dilatih
  - b) sedang menawarkan perkhidmatan tetapi tidak pernah menghadiri sebarang latihan sangkutan
  - c) berkhidmat di hospital/ PKD/ klinik kesihatan yang sama dengan pegawai yang memberi latihan *echo*
5. Latihan *echo* hendaklah dijalankan berdasarkan modul latihan *echo* mengikut bidang pengkhususan masing-masing.
6. Sijil tamat latihan akan dikeluarkan oleh fasiliti yang menjalankan latihan *echo* kepada pegawai yang telah berjaya menjalani latihan tersebut.

## **REGISTRI LATIHAN SANGKUTAN**

1. Registri Latihan Sangkutan Jangka Pendek Pegawai Farmasi Dalam Bidang Pengkhususan adalah satu pangkalan data yang menyimpan maklumat latihan yang dijalankan oleh preseptor di pusat latihan yang dilantik oleh Bhgn. A&P Farmasi KKM.

2. Registri ini perlu diisi dan dihantar oleh pihak Bhgn. A&P Farmasi Negeri secara atas talian (seperti alamat di bawah) setelah sijil tamat latihan dikeluarkan.

**<http://www.pharmacy.gov.my/registrilatihansangkutan.html>**

3. Berikut merupakan butiran-butiran yang perlu diisi di dalam registry tersebut:

- |                         |                         |
|-------------------------|-------------------------|
| a) Negeri               | g) Tempat Pusat Latihan |
| b) Bidang Latihan       | h) Nama Preseptor       |
| c) Jenis Latihan        | i) Tarikh Mula Latihan  |
| d) Nama Pegawai Dilatih | j) Tarikh Tamat Latihan |
| e) Gred Pegawai Dilatih | k) Keputusan Latihan    |
| f) Tempat Bertugas      | l) Catatan              |

4. Senarai nama pegawai farmasi yang telah dilatih akan dipaparkan secara automatik di dalam *google spreadsheet* dan hanya boleh diakses oleh penyelaras bagi setiap bidang pengkhususan di peringkat Bhgn. A&P Farmasi KKM sahaja.

5. Rumusan latihan yang dijalankan bagi tempoh masa Januari hingga Disember setiap tahun akan diedarkan kepada Bhgn. A&P Farmasi Negeri untuk makluman.

# LANTIKAN PRESEPTOR

## **TERMA RUJUKAN PRESEPTOR**

### **1. Tujuan**

Untuk menerangkan tugas dan tanggungjawab preseptor dalam bidang pengkhususan yang dilantik bagi perkhidmatan farmasi klinikal dan teknikal seperti di **Lampiran 1** (Senarai Bidang Pengkhususan Farmasi Klinikal dan Teknikal).

### **2. Lantikan**

- a) Surat permohonan lantikan preseptor perlu dihantar ke Bhgn. A&P Farmasi Negeri melalui pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi).
- b) Proses lantikan preseptor adalah seperti dalam **Lampiran 4** (Proses Kerja Lantikan Preseptor).
- c) Skop lantikan hanya tertakluk kepada bidang pengkhususan yang ditetapkan seperti dalam surat lantikan oleh Bhgn. A&P Farmasi KKM.

### **3. Tugas dan Tanggungjawab**

- a) Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti farmasi klinikal dan teknikal mengikut pengkhususan di peringkat fasiliti, negeri ataupun kebangsaan.
- b) Merancang perkembangan perkhidmatan farmasi klinikal dan teknikal (mengikut pengkhususan) di pusat latihan yang dilantik.
- c) Melatih pegawai farmasi yang menjalani latihan sangkutan mengikut modul latihan yang ditetapkan.

- d) Menyemak, membuat penilaian dan menghantar buku log latihan sangkutan kepada pegawai penyelaras di Bhgn. A&P Farmasi Negeri untuk tindakan selanjutnya.

#### 4. Tempoh Lantikan

- a) Setiap preseptor yang dilantik hendaklah kekal menjadi preseptor dalam pengkhususan yang dilantik bagi tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun di pusat latihan yang sama.
- b) Sekiranya preseptor bercadang untuk bertukar/ melanjutkan pelajaran, preseptor yang dilantik perlu memastikan terdapat calon preseptor baru (telah dilatih) yang akan menggantikannya di fasiliti pusat latihan sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh pertukaran/ melanjutkan pelajaran.
- c) Ketua Pegawai Farmasi perlu memastikan ada pengganti sebelum sebarang pertukaran dibuat melibatkan preseptor yang telah dilantik.
- d) Jika preseptor tersebut berpindah ke fasiliti yang lain dan masih terlibat di dalam perkhidmatan yang sama,
- i) satu surat makluman perlu dikemukakan kepada Bhgn. A&P Farmasi KKM untuk lantikan preseptor tambahan (jika fasiliti yang baru telah menjadi pusat latihan); **atau**
  - ii) satu surat permohonan baru perlu dikemukakan kepada Bhgn. A&P Farmasi KKM untuk lantikan pusat latihan dan preseptor (jika fasiliti yang baru belum dilantik sebagai pusat latihan **dan** Bhgn. A&P Farmasi Negeri bercadang untuk menjadikannya sebagai pusat latihan).

## KRITERIA PEGAWAI FARMASI UNTUK DILANTIK SEBAGAI PRESEPTOR

1. Sekurang-kurangnya gred UF 48 dan ke atas. Permohonan lantikan preseptor bagi gred UF 44 akan dipertimbangkan oleh pihak Bhgn. A&P Farmasi KKM dengan justifikasi yang munasabah.
2. Lulus latihan sangkutan dengan memenuhi keperluan dalam modul latihan yang ditetapkan serta diperakui oleh preseptor di tempat latihan.
3. Keutamaan diberikan kepada pegawai yang mempunyai:
  - a) ijazah sarjana atau doktor falsafah (PhD) dalam bidang pengkhususan; **atau**
  - b) pengiktirafan *credentialing* dalam bidang pengkhususan
4. Permohonan untuk menjadi preseptor dihantar secara rasmi kepada Bhgn. A&P Farmasi KKM sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas tamat latihan sangkutan.
5. Diperakui oleh Ketua Jabatan Farmasi (KJF)/ Pegawai Farmasi Kesihatan (PFK) dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) untuk dilantik sebagai preseptor dalam bidang pengkhususan berkaitan.
6. Bersedia dan kekal menjadi preseptor dalam bidang pengkhususan yang dilantik sekurang-kurangnya dua (2) tahun di pusat latihan yang sama.

7. Terlibat secara aktif dalam aktiviti klinikal dan teknikal di peringkat negeri atau kebangsaan.
8. Keutamaan diberikan kepada pegawai farmasi yang menjadi ahli dalam Jawatankuasa Kecil (JKK) Farmasi Klinikal dalam bidang pengkhususan berkaitan.

**PEMANTAUAN OLEH BAHAGIAN AMALAN & PERKHIDMATAN FARMASI NEGERI  
(BHGN. A&P FARMASI NEGERI)**

1. Pegawai penyelaras di peringkat Bhgn. A&P Farmasi Negeri perlu melaksanakan pemantauan secara berterusan tehadap preseptor yang dilantik bagi memastikan latihan yang diberikan adalah mengikut modul yang ditetapkan oleh Bhgn. A&P Farmasi KKM.
2. Tugas dan tanggungjawab pegawai penyelaras di peringkat Bhgn. A&P Farmasi Negeri adalah seperti berikut:
  - a) merancang, mengenalpasti dan memantau aktiviti latihan sangkutan di peringkat negeri.
  - b) memastikan latihan yang dijalankan adalah mengikut modul latihan yang dikeluarkan oleh Bhgn. A&P Farmasi KKM.
  - c) memastikan buku log latihan sangkutan dihantar mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
  - d) menerima, menyemak dan memastikan buku log adalah lengkap sebelum pengesahan dan pengeluaran sijil tamat latihan dibuat.
  - e) mengeluarkan sijil tamat latihan kepada pegawai farmasi yang berjaya memenuhi semua keperluan modul latihan seperti di dalam buku log.
  - f) mengemaskini Registri Latihan Sangkutan Jangka Pendek Pegawai Farmasi Dalam Bidang Pengkhususan Farmasi Klinikal Dan Teknikal secara atas talian setelah sijil tamat latihan dikeluarkan.

# **LANTIKAN PUSAT LATIHAN**

## **LANTIKAN FASILITI SEBAGAI PUSAT LATIHAN**

1. Surat permohonan lantikan fasiliti sebagai pusat latihan perlu dihantar melalui pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi).
2. Proses lantikan pusat latihan adalah seperti di dalam **Lampiran 5 (Proses Kerja Lantikan Pusat Latihan)**.
3. Audit fasiliti hendaklah dijalankan di peringkat negeri terlebih dahulu dengan bantuan jawatankuasa klinikal negeri (JK Klinikal Negeri) untuk menilai kesesuaian fasiliti sebagai pusat latihan sebelum permohonan dimajukan kepada Bhgn. A&P Farmasi KKM.
4. Lawatan penilaian fasiliti akan dibuat oleh pihak Bhgn. A&P Farmasi KKM jika mendapati penemuan semasa audit fasiliti tidak memuaskan atau terdapat keperluan lain yang perlu dipertimbangkan sebelum lantikan pusat latihan dibuat.
5. Fasiliti perlu membuat penambahbaikan atau tindakan pembetulan tehadap penemuan semasa audit fasiliti/ lawatan penilaian dan menghantar maklum balas kepada pihak negeri untuk tindakan seterusnya.

6. Pemantauan oleh pegawai penyelaras di peringkat Bhgn. A&P Farmasi Negeri hendaklah dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan kualiti latihan adalah seragam.

## **KRITERIA FASILITI UNTUK DILANTIK SEBAGAI PUSAT LATIHAN**

1. Fasiliti menawarkan kepakaran/ disiplin dalam bidang pengkhususan berkaitan.
2. Kemudahan/ kelengkapan fasiliti yang memenuhi keperluan modul latihan.
3. Mempunyai preseptor yang telah dilantik oleh Bhgn. A&P Farmasi KKM dalam pengkhususan yang dipohon.

# LAMPIRAN

## **LAMPIRAN 1: SENARAI BIDANG PENGKHUSUSAN FARMASI KLINIKAL DAN TEKNIKAL (sehingga 16 Mac 2018)**


### **a) Komponen Farmasi Klinikal**

- i. Geriatrik - Perkhidmatan MTAC, Farmasi Wad & HMR
- ii. Psikiatri - Perkhidmatan MTAC, Farmasi Wad & HMR
- iii. Neurologi (*Stroke*) - Perkhidmatan MTAC dan Farmasi Wad
- iv. Nefrologi - Perkhidmatan MTAC dan Farmasi Wad
- v. Respiratori - Perkhidmatan MTAC dan Farmasi Wad
- vi. Perubatan Am - Perkhidmatan Farmasi Wad
- vii. Rawatan Rapi (ICU) - Perkhidmatan Farmasi Wad
- viii. Paediatric - Perkhidmatan Farmasi Wad
- ix. Kardiologi - Perkhidmatan Farmasi Wad
- x. Diabetes - Perkhidmatan MTAC
- xi. *Retroviral Disease (RVD)* - Perkhidmatan MTAC
- xii. Warfarin - Perkhidmatan MTAC
- xiii. Hepatitis - Perkhidmatan MTAC
- xiv. Hemofilia - Perkhidmatan MTAC
- xv. Psoriasis - Perkhidmatan MTAC
- xvi. Rheumatoid Arthritis - Perkhidmatan MTAC
- xvii. Farmasi Kecemasan
- xviii. *Pain Management*
- xix. Farmakoterapi Berhenti Merokok


**b) Komponen Farmasi Klinikal dan Teknikal**

- i. Perkhidmatan Farmasi Nuklear
- ii. Perkhidmatan Farmasi Onkologi
- iii. Perkhidmatan Nutrisi Parenteral
- iv. Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal

**LAMPIRAN 2: PROSES KERJA MENJALANI LATIHAN SANGKUTAN JANGKA PENDEK PEGAWAI FARMASI DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN FARMASI KLINIKAL DAN TEKNIKAL BAGI PEGAWAI FARMASI KKM**



**LAMPIRAN 3: PROSES KERJA MENJALANI LATIHAN SANGKUTAN JANGKA PENDEK PEGAWAI FARMASI DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN FARMASI KLINIKAL DAN TEKNIKAL BAGI PEGAWAI FARMASI BUKAN KKM/ AHLI FARMASI SWASTA**




Nota:

\* semua permohonan adalah melalui surat rasmi kecuali latihan sangkutan farmasi nuklear yang menggunakan borang permohonan

\*\* kecuali latihan sangkutan farmasi nuklear yang perlu menghantar buku log dalam tempoh ≤ 1 minggu selepas tamat latihan

## LAMPIRAN 4: PROSES KERJA LANTIKAN PRESEPTOR



## LAMPIRAN 5: PROSES KERJA LANTIKAN PUSAT LATIHAN

